

HUBUNGAN ANTARA TAHAP KEBERKESANAN PENDIDIKAN ISLAM
DENGAN PERSONALITI ISLAMIK PELAJAR

MAZLYANA BINTI BUHARI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2011

DEDIKASI

Teristimewa untuk

Mak dan Abah tercinta yang tidak pernah jemu

Sulimah Jamari dan Buhari Kasmani

Teman yang banyak memberiinspirasi dan dorongan

Mohd Ismail Roslan

Rakan seperjuangan yang banyak membantu

Salasiah, Halimatusa'diah, Nor 'Ashikin, Rosmawati dan M.Khamsuldin

Saudara tersayang

Zaid Mazri, Mazlyany, Zaid Mazrizam, Noraini dan Nur Sabrina Syamimi

Dengan irungan doa dan harapan

Perjuangan ini mampu diteruskan

Semoga Allah melindungi dan merahmati kalian

Kejayaan ini adalah milik kita bersama

Terima kasih

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Amat Mengasihani. Segala puji bagi Allah S.W.T. serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Dengan taufik dan hidayahNya, saya bersyukur kerana telah diberi kesabaran, kekuatan, kesihatan yang baik, dan ketabahan untuk menyelesaikan laporan projek ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah pembimbing, Dr Nooraini Othman atas segala bantuan, bimbingan, tunjuk ajar, pandangan, dan nasihat sepanjang saya menyiapkan projek ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada penilai-penilai dan semua pensyarah yang mengajar saya dalam semua subjek bagi memenuhi syarat pengijazahan sarjana pendidikan. Sekalung penghargaan untuk Dr Azlina Mohd Kosnin, PM Dr Othman Md Johan, PM Dr Abdul Hafidz Omar, PM Dr Azizi Yahaya, Prof Dr Noor Azlan Ahmad Zanzali, PM Dr Yeo Kee Jiar, dan Dr Tamar Jaya Nizar.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak pentadbiran sekolah-sekolah yang terlibat secara langsung dalam membantu menjawab borang soal selidik. Terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan guru di SMK Dato' Sulaiman, Parit Sulong yang banyak memberi dorongan dan bantuan selama ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang membantu samada secara langsung atau tidak langsung sehingga terhasilnya projek ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjauhubungan antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dengan personaliti Islamik responden. Seramai 440 orang pelajar sekolah daripada empat buah sekolah menengah aliran agama dan empat buah sekolah menengah bukan aliran agama dalam Daerah Batu Pahat telah dipilih secara rawak mudah bagi kajian ini. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Soal selidik yang dibentuk mengandungi item yang mengukur tahap keberkesanan pendidikan Islam yang dibina sendiri oleh penyelidik dan pembentukan personaliti Islamik yang telah dibina dan diubahsuai daripada Personaliti Ummah oleh Nooraini (2008). Satu kajian rintis telah dijalankan untuk mengukur nilai kebolehpercayaan instrumen. Data yang telah dikumpul, dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS) versi 17.0. Nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan item ialah 0.95. Statistik deskriptif yang digunakan bagi menganalisis data kajian ialah min, kekerapan, peratusan, dan sisihan piawai. Analisis statistik inferensi ujian-t dua hala digunakan bagi menganalisis perbezaan tahap keberkesanan pendidikan Islam responden mengikut aliran dan perbezaan tahap personaliti Islamik responden mengikut aliran. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap keberkesanan pendidikan Islam responden mengikut aliran dan tidak terdapat perbezaan tahap personaliti Islamik responden mengikut aliran. Manakala analisis korelasi Pearson dengan aras signifikan 0.01 pula digunakan bagi menganalisis hubungan antara tahap keberkesanan dengan tahap personaliti Islamik responden. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara tahap keberkesanan dengan tahap personaliti Islamik responden.

ABSTRACT

This study attemptsto observe the relationship between the effectiveness of Islamic educationin with the Islamicpersonality ofthe respondents. A total of440school studentsfromfourschools of religious schoolsandfournon-religious schools in BatuPahatdistrictwere selectedrandomlyforthis study. The quantitativestudywasconductedusingquestionnairesas instrumentsforcollecting data. Item statements for measuring theeffectiveness ofIslamic education were developed bythe researcher. The instrument for measuring Islamic personality was modified from Ummatic Personality developed by Nooraini(2008). A pilot studywasconductedto measure thereliability ofthe instrument. The datawerecollected and analyzedusingStatistical PackagesForSocial Sciences(SPSS) version17.0. Overall value of CronbachAlpha was 0.95. Descriptive statistics usedtoanalyze thedatais mean, frequency,percentageand standard deviation. T-test was used to analyzethe differences in the level of effectiveness ofIslamic education among the respondentsaccording to the types of school andlevels of Islamic personality. The findings showed that there is no significant difference between the level of effectiveness of Islamic education based on the types of schools and the level of Islamic personality. Pearsoncorrelation analysiswiththe significant level of 0.01 was used to analyze the relationship between the level of effectiveness of the Islamic education and the level of Islamic personality among the respondents. Finding showed that there is a strongcorrelationbetweenthe two variables.

ISI KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|-------------|--------------------------------|-----------------------|
| | PENGESAHAN STATUS TESIS | i |
| | PENGESAHAN PENYELIA | ii |
| | HALAMAN JUDUL | iii |
| | HALAMAN PENGAKUAN | iv |
| | DEDIKASI | v |
| | PENGHARGAAN | vi |
| | ABSTRAK | vii |
| | ABSTRACT | viii |
| | ISI KANDUNGAN | ix |
| | SENARAI JADUAL | xv |
| | SENARAI RAJAH | xvii |
| | SENARAI SINGKATAN | xviii |
| SATU | PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Masalah | 4 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 7 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 9 |
| 1.6 | Hipotesis Kajian | 9 |
| 1.7 | Kerangka Teori Kajian | 10 |
| 1.8 | Kepentingan Kajian | 12 |
| 1.9 | Batasan Kajian | 13 |

| | | |
|------------|--|-----------|
| 1.10 | Definisi Istilah | 14 |
| | 1.10.1 Tahap Keberkesanan | 14 |
| | 1.10.2 Pendidikan Islam | 15 |
| | 1.10.3 Personaliti Islamik | 16 |
| 1.11 | Penutup | 17 |
| DUA | SOROTAN KAJIAN | 19 |
| 2.1 | Pengenalan | 19 |
| 2.2 | Pembentukan Personaliti Mengikut Perspektif Konvensional | 20 |
| | 2.2.1 Teori Kognitif | 20 |
| | 2.2.2 Teori Psikososial | 21 |
| | 2.2.3 Teori Pembelajaran Sosial | 22 |
| | 2.2.4 Teori Humanistik | 23 |
| | 2.2.5 Teori Trait | 24 |
| | 2.2.6 Teori Psikoanalisis | 25 |
| 2.3 | Pembentukan Personaliti Mengikut Perspektif Islam | 27 |
| | 2.3.1 Elemen Sifat Semulajadi Manusia | 28 |
| | 2.3.1.1 Nafs | 28 |
| | 2.3.1.2 Qalb | 28 |
| | 2.3.1.3 Aql | 29 |
| | 2.3.1.4 Roh | 29 |
| | 2.3.2 Dimensi Personaliti Islamik | 30 |
| | 2.3.2.1 Ibadah | 30 |
| | 2.3.2.2 Amanah | 32 |
| | 2.3.2.3 Ilmu | 33 |
| 2.4 | Kepentingan Pendidikan Islam | 35 |
| | 2.4.1 Objektif | 35 |
| | 2.4.2 Nilai Murni | 36 |
| 2.5 | Kajian-kajian Lalu | 38 |
| 2.6 | Penutup | 41 |

| | | |
|--------------|------------------------------|----|
| TIGA | METODOLOGI KAJIAN | 43 |
| 3.1 | Pengenalan | 43 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 43 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel Kajian | 45 |
| 3.3.1 | Tempat Kajian | 45 |
| 3.3.2 | Populasi Kajian | 45 |
| 3.3.3 | Sampel Kajian | 46 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 50 |
| 3.4.1 | Bahagian A | 52 |
| 3.4.2 | Bahagian B | 52 |
| 3.4.3 | Bahagian C | 53 |
| 3.4.4 | Bahagian D | 53 |
| 3.4.5 | Bahagian E | 54 |
| 3.4.6 | Bahagian F | 54 |
| 3.5 | Tatacara Kajian | 54 |
| 3.6 | Kajian Rintis | 56 |
| 3.6.1 | Kebolehpercayaan Alat Kajian | 57 |
| 3.6.2 | Kesahan Alat Kajian | 58 |
| 3.7 | Kajian Sebenar | 58 |
| 3.8 | Analisis Data | 59 |
| 3.9 | Penutup | 61 |
| EMPAT | DAPATAN KAJIAN | 62 |
| 4.1 | Pengenalan | 62 |
| 4.2 | Analisis Deskriptif | 62 |
| 4.2.1 | Bahagian A | 63 |
| 4.2.1.1 | Aliran Sekolah | 63 |
| 4.2.1.2 | Jantina | 64 |
| 4.2.2 | Bahagian B | 65 |
| 4.2.3 | Bahagian C | 69 |
| 4.2.4 | Bahagian D | 73 |

| | | |
|-------|--|----|
| 4.2.5 | Bahagian E | 78 |
| 4.2.6 | Bahagian F | 83 |
| 4.3 | Persoalan Dan Hipotesis Kajian | 88 |
| 4.3.1 | Apakah Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Responden? | 88 |
| 4.3.2 | Apakah Tahap Personaliti Islamik Responden? | 88 |
| 4.3.3 | Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Mengikut Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Responden Aliran Agama Dan Bukan Aliran Agama? | 89 |
| H_0 | Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Mengikut Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Responden Aliran Agama Dan Bukan Aliran Agama? | 89 |
| 4.3.4 | Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Mengikut Tahap Personaliti Islamik Dalam Kalangan Responden Aliran Agama Dan Bukan Aliran Agama? | 91 |
| H_0 | Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Mengikut Tahap Personaliti Islamik Dalam Kalangan Responden Aliran Agama Dan Bukan Aliran Agama | 91 |
| 4.3.5 | Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Dengan Tahap Personaliti Islamik Responden? | 91 |

| | | |
|----------------|--|----|
| H ₀ | Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Dengan Tahap Personaliti Islamik Responden | 91 |
| 4.4 | Penutup | 92 |
| LIMA | PERBINCANGAN, RUMUSAN, DAN CADANGAN | 93 |
| 5.1 | Pengenalan | 93 |
| 5.2 | Perbincangan | 93 |
| 5.2.1 | Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam | 94 |
| 5.2.1.1 | Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Berdasarkan Kefahaman | 95 |
| 5.2.1.2 | Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Berdasarkan Pengamalan | 96 |
| 5.2.2 | Tahap Personaliti Islamik | 96 |
| 5.2.2.1 | Tahap Personaliti Islamik Daripada Aspek Ibadah | 97 |
| 5.2.2.2 | Tahap Personaliti Islamik Daripada Aspek Amanah | 98 |
| 5.2.2.3 | Tahap Personaliti Islamik Daripada Aspek Ilmu | 98 |
| 5.2.3 | Perbezaan Antara Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Responden Aliran Agama Dengan Bukan Aliran Agama | 99 |
| 5.2.4 | Perbezaan Antara Tahap Personaliti Islamik Dalam Kalangan Responden Aliran Agama Dan Bukan Aliran Agama | 99 |

| | | |
|--|--|-----|
| 5.2.5 | Hubungan Antara Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Dengan Tahap Personaliti Islamik Responden | 100 |
| 5.3 | Rumusan | 101 |
| 5.4 | Implikasi Pendidikan | 102 |
| 5.5 | Cadangan Bagi Kajian Akan Datang | 104 |
| 5.6 | Penutup | 105 |
| RUJUKAN | | 107 |
| LAMPIRAN A: BORANG SOAL SELIDIK | | 114 |
| LAMPIRAN B: BORANG PENGESAHAN INSTRUMEN | | 120 |
| LAMPIRAN C: SURAT PERMOHONAN | | 121 |

SENARAI JADUAL

| NO JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|---|-----------------------|
| 3.1 | Jadual Krejcie, R.V and Morgan, D.W. | 49 |
| 3.2 | Jadual Pemarkatan Bagi Skala Likert Mengikut Pernyataan | 51 |
| 3.3 | Konstruk Item Bahagian B | 52 |
| 3.4 | Konstruk Item Bahagian C | 53 |
| 3.5 | Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan | 57 |
| 3.6 | Jadual Klasifikasi Kekuatan Korelasi | 60 |
| 3.7 | Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian | 60 |
| 4.1 | Bilangan Responden Mengikut Aliran | 63 |
| 4.2 | Bilangan Responden Mengikut Jantina | 64 |
| 4.3 | Analisis Statistik Deskriptif Tahap Keberkesanan Berdasarkan Kefahaman | 65 |
| 4.4 | Analisis Tahap Keberkesanan Berdasarkan Kefahaman Responden | 65 |
| 4.5 | Analisis Item Tahap Keberkesanan Berdasarkan Kefahaman Responden | 66 |
| 4.6 | Analisis Statistik Deskriptif Tahap Keberkesanan Berdasarkan Pengamalan | 69 |
| 4.7 | Analisis Tahap Keberkesanan Berdasarkan Pengamalan Responden | 70 |
| 4.8 | Analisis Item Tahap Keberkesanan Berdasarkan Pengamalan Responden | 70 |
| 4.9 | Analisis Statistik Deskriptif Personaliti Islamik Daripada Aspek Ibadah | 73 |

| NO JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|---|-----------------------|
| 4.10 | Analisis Tahap Personaliti Islamik Ibadah Responden | 74 |
| 4.11 | Analisis Item Tahap Personaliti Islamik Daripada Aspek Ibadah Responden | 74 |
| 4.12 | Analisis Statistik Deskriptif Personaliti Islamik Daripada Aspek Amanah | 78 |
| 4.13 | Analisis Tahap Personaliti Islamik Amanah Responden | 79 |
| 4.14 | Analisis Item Tahap Personaliti Islamik Daripada Aspek Amanah Responden | 79 |
| 4.15 | Analisis Statistik Deskriptif Personaliti Islamik Daripada Aspek Ilmu | 83 |
| 4.16 | Analisis Tahap Personaliti Islamik Ilmu Responden | 83 |
| 4.17 | Analisis Item Tahap Personaliti Islamik Daripada Aspek Ilmu Responden | 84 |
| 4.18 | Analisis Statistik Deskriptif Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam | 88 |
| 4.19 | Analisis Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Responden | 88 |
| 4.20 | Analisis Statistik Deskriptif Tahap Personaliti Islamik | 89 |
| 4.21 | Analisis Tahap Personaliti Islamik Responden | 89 |
| 4.22 | Perbezaan Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam | 90 |
| 4.23 | Perbezaan Tahap Personaliti Islamik | 91 |
| 4.24 | Hubungan Antara Tahap Keberkesanan Dengan Tahap Personaliti Islamik | 92 |

SENARAI RAJAH

| NO RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-----------------------|
| 1.1 | Kerangka Teori Kajian Pendidikan Islam dalam Pembentukan Personaliti Islamik | 11 |
| 3.1 | Tatacara Kajian | 56 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|----------------|---|
| CFA | <i>Confirmatory Factor Analysis</i> |
| FPK | Falsafah Pendidikan Kebangsaan |
| H ₀ | Hipotesis Nol |
| KBSM | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| KPM | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| KS | Kurang Setuju |
| PCA | <i>Principles Component Analysis</i> |
| PIPP | Pelan Induk Pembangunan Pendidikan |
| PPADBP | Pejabat Pelajaran Agama Daerah Batu Pahat |
| PPDBP | Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat |
| RMK10 | Rancangan Malaysia Kesepuluh |
| RMK9 | Rancangan Malaysia Kesembilan |
| S | Setuju |
| SMA | Sekolah Menengah Agama |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SMM | Sistem Maklumat Murid |
| SPSS | <i>Statistical Package For Social Science</i> |
| SS | Sangat Setuju |
| STS | Sangat Tidak Setuju |
| TS | Tidak Setuju |

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan Islam meletakkan matlamatnya kepada kesempurnaan kemanusiaan yang sebenarnya. Ia juga meletakkan ketinggian manusia mengikut hubungan hatinya dengan Allah S.W.T., membina dan melatih diri dengan disiplin-disiplin yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah yang dapat mempertingkatkan akal, jasmani, dan rohani (Abdul Halim, 1991).

Pendidikan Islam di Malaysia diwujudkan kerana agama Islam merupakan agama rasmi negara ini. Pendidikan Islam merupakan proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani, dan emosi manusia berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah dengan tujuan melahirkan insan yang mulia dan beradab tinggi. Pendidikan Islam juga bertujuan membentuk individu menjadi seorang yang berpersonaliti yang baik dan seterusnya mampu membentuk sebuah masyarakat yang tinggi nilai pekertinya.

Perkembangan pelajaran dan pendidikan Islam di Malaysia telah bermula sejak zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka lagi iaitu sejak pemerintahan Parameswara yang telah memeluk Islam dengan nama Islamnya Megat Iskandar Shah pada tahun 1414 (Abdullah Ishak, 1995). Pendidikan Islam bermula dengan pelajaran asas agama Islam iaitu solat dan mengaji Al-Quran. Malah pendidikan Islam melalui pendidikan Al-Quran merupakan pelajaran dasar kepada semua lapisan masyarakat walaupun secara tidak formal.

Selepas merdeka, pendidikan Islam telah berkembang dengan pesat seiring dengan perkembangan semangat kebangsaan yang ingin membebaskan diri dan maruah daripada pemerintahan penjajah. Pihak pemerintah Inggeris telah mewujudkan sistem persekolahan sekolah Inggeris dengan tujuan mempelajari bahasa dan meningkatkan ilmu. Dalam masa yang sama, tindakan Inggeris telah meningkatkan semangat rakyat untuk mempelajari ilmu agama. Masyarakat Melayu tetap mempertahankan sekolah-sekolah agama dan memperjuangkan pendidikan Islam kepada anak-anak didik mereka. Kebanyakan pendidikan agama Islam diajar di surau-surau dan masjid-masjid oleh guru-guru yang arif dalam menyampaikan maksud Al-Quran dan As-Sunnah. Sambutan pelajar yang semakin ramai menyebabkan lebih banyak surau dan pondok didirikan untuk menyampaikan ilmu berkaitan Islam (Zainal Abidin, 1988).

Pendidikan Islam di Malaysia secara formalnya bermula dengan wujudnya Seksyen 49 Ordinan Pelajaran 1957 dan seterusnya berkembang pada tahun 1960-an apabila kerajaan melaksanakan undang-undang yang didasarkan kepada Laporan Rahman Talib. Laporan ini membentuk Akta Pelajaran 1961 (Seksyen 36 (1)) yang menyatakan bahawa Pendidikan Agama Islam hendaklah diberikan kepada murid-murid beragama Islam di setiap sekolah yang mempunyai murid-murid yang beragama Islam seramai 15 orang atau lebih dan masa untuk mempelajarinya adalah sekurang-kurangnya dua jam (Abdullah Ishak, 1995). Pelaksanaan Pendidikan Agama Islam diuruskan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang mengendalikan segala kegiatan yang berhubung dengan Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Buat pertama kali, penerapan nilai-nilai murni di sekolah secara rasminya diberi penekanan melalui Laporan Kabinet 1989 berdasarkan Laporan Mahathir 1979.

Pendidikan dilihat sebagai salah satu aspek yang memiliki peranan dalam membentuk generasi berilmu pada masa hadapan. Pendidikan bertujuan melahirkan masyarakat yang berkualiti, bertanggungjawab, dan bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan. Pendidikan Islam yang diajar di sekolah merupakan salah satu wadah bagi membentuk peribadi cemerlang.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melihat warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

(Sumber: KPM, 1990)

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ini, KPM telah menetapkan konsep pendidikan yang berasaskan ketuhanan. Pendidikan berfungsi untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki sahsiah yang seimbang dengan nilai-nilai murni. Ini menunjukkan pembentukan sahsiah merupakan tujuan utama pendidikan selain memperkembangkan segala potensi individu (Sufean, 1993). Pengembangan potensi akan menentukan corak manusia sementara penerapan nilai-nilai murni menentukan jenis manusia tersebut.

Jawatankuasa Pendidikan Akhlak yang ditubuhkan pada tahun 1976 bawah KPM telah meneliti nilai-nilai yang perlu ada bagi membentuk personaliti yang baik dalam diri seseorang pelajar. Nilai-nilai ini terkandung dalam pelbagai agama yang diamalkan di negara ini. Nilai-nilai ini perlu diterapkan dalam proses pembelajaran di sekolah bagi membentuk personaliti yang baik, seimbang, dan menyeluruh daripada segi kognitif, afektif, psikomotor, dan akhlak. Di sekolah, penerapan nilai murni boleh disepadukan melalui pertuturan, perlakuan, teladan, isyarat, kefahaman, interpretasi, dan konteksual. Penerapan ini bertujuan membentuk pelajar-pelajar berperibadi mulia dan mampu membuat keputusan dalam menimbang sesuatu perkara berdasarkan nilai moral diri, keluarga, dan masyarakat.

Pengenalan konsep modal insan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) adalah bertepatan dengan isu pembentukan personaliti yang baik. Pembangunan modal insan yang dibincangkan dalam RMK9 adalah secara holistik. Ia merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi serta memiliki sikap,

nilai dan etika positif dan progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam RMK9 juga terkandung Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang bertujuan menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua. PIPP mengandungi enam teras iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesi perguruan, dan melonjakkan kecemerlangan Institusi Pendidikan.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak semasa membentangkan usul tentang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) pada 10 Jun 2010, konsep modal insan dinyatakan sebagai salah satu daripada 10 gagasan idea besar. Ia dinyatakan sebagai salah satu premis utama iaitu Premis Kelima yang menjurus kepada memupuk, menarik, dan mengekalkan modal insan unggul. Dalam Lima Teras Strategik juga dinyatakan tentang modal insan iaitu Teras Keempat, membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan Islam secara umumnya dapat membentuk personaliti Islamik pelajar-pelajar Islam. Secara tidak langsung, ia boleh membentuk masyarakat yang berani menghadapi cabaran globalisasi dalam pembentukan akhlak terpuji.

Menurut Ahmad (1997), pendidikan Islam merupakan proses mendidik dan melatih aqliah, jasmaniah, dan rohaniah manusia berasaskan nilai-nilai Islamiah yang bersumberkan wahyu Al-Quran dan As-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri semata-mata kerana Allah S.W.T. Pendidikan Islam ialah segala usaha menyampaikan ajaran Islam kepada manusia dan melatih manusia secara amali atau praktik supaya manusia dapat melaksanakan segala ajarannya sehingga amalan ajaran Islam itu menjadi kebiasaan atau adat dan menjadikan amalan ini sebagai satu cara hidup (Wan Hussein, 1988).

Abdul Halim (1988) menyatakan, dalam membentuk peribadi Muslim yang utuh perlulah memenuhi segala aspek iaitu aspek individual dan sosial, aspek intelektual dan moral, serta aspek material dan spiritual. Oleh itu, pendidikan Islam bertujuan membentuk peribadi-peribadi yang memenuhi ciri-ciri insan kamil atau manusia yang ideal menurut Islam.

Matlamat akhir dalam pendidikan Islam ialah untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. Ini termasuklah untuk mencari kebaikan di dunia dan di akhirat, melahirkan manusia yang berpengetahuan Islam, membentuk peribadi insan yang soleh dan bertakwa, serta menjadi umat Islam sebagai umat yang benar-benar memahami kewujudanNya dan menghayati segala hakikat tasawwur Islam yang mencakupi seluruh ruang lingkup kehidupan (Abdullah, 1989).

Namun, sejak kebelakangan ini, masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah sering disebut-sebut dan telah dianggap sebagai suatu fenomena serius (Abd Jalil, Mei 2000). Pelbagai gejala sosial dan aktiviti yang dianggap menyimpang dari norma-norma dan nilai-nilai masyarakat melibatkan ramai pelajar sekolah. Masyarakat Malaysia sering didedahkan melalui media cetak dan media elektronik tentang berita-berita serta perangkaan-perangkaan yang menunjukkan masalah pelajar-pelajar sekolah yang semakin hari semakin meningkat (Khalim dan Wan Zulkifli, 2009). Masalah-masalah sosial yang melibatkan pelajar sekolah yang biasa didedahkan ialah penagihan dadah, bohsia, pelacuran, amalan seks bebas, pembuangan bayi, budaya lepak, dan kes-kes salah laku di sekolah seperti merokok, ponteng, dan tidak menghormati guru (Khailani, 1993).

Menurut Cotton (2001), masalah sosial yang melanda masyarakat kita pada hari ini semakin membimbangkan dan masih terus berlaku walaupun pelbagai kaedah dan jalan penyelesaian telah dilakukan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan bagi membendung masalah ini daripada terus berleluasa. Masalah sosial yang paling membimbangkan ialah hilangnya personaliti yang baik dalam kalangan pelajar. Semasa peringkat remaja, individu mengalami perubahan yang amat pesat sekali, samada daripada segi fizikal, emosi, sosial, dan terdedah kepada persekitaran, serta mudah dipelajari. Pada masa ini, mereka belajar daripada persekitaran dan mengubah

tingkah laku, sikap, dan cara hidup, supaya bersesuaian dengan masyarakat di sekitar mereka.

Keruntuhan moral dan akhlak remaja Islam menjadi satu fenomena sosial yang seringkali berlaku disebabkan zaman remaja merupakan alam transisi golongan remaja yang mempunyai sikap ingin mencuba sesuatu yang dianggap mencabar, seronok, serta boleh menarik perhatian orang ramai terhadapnya (Nurfaizah, 2003). Keruntuhan akhlak remaja yang berlaku pada masa ini amat membimbangkan. Ia mungkin disebabkan oleh motif kehidupan yang semakin bersifat materialistik serta kecetekan pengetahuan agama (Abd Razak dan Nor Zanah, 2000). Ini menunjukkan bahawa keruntuhan akhlak remaja adalah seiring dengan pembangunan negara yang semakin meningkat.

Menurut Mohd Salleh (1994), peringkat umur remaja merupakan satu peringkat yang paling unik dan mencabar. Pada peringkat ini, sebilangan besar remaja menghabiskan masa dengan kegiatan yang tidak berfaedah, seperti berkumpul di pusat-pusat hiburan, menghisap rokok, bersiar-siar di bandar, penyalahgunaan dadah, mencuri, memasuki kumpulan haram, dan kegiatan pelacuran. Konflik dalaman ini berlaku disebabkan perubahan dari segi naluri, identiti, seksualiti, perasaan, psikologikal, dan fizikal. Disebabkan faktor-faktor ini, sebahagian besarnya yang merupakan pelajar sekolah menyumbang dalam kejatuhan nilai-nilai murni dan pembentukan personaliti unggul kurang tercapai.

Menurut Suzalie (2003), keberkesanan pendidikan Islam boleh dilihat daripada tiga aspek iaitu; pertama, penawaran dan pelaksanaan; kedua, pencapaian dalam peperiksaan; serta ketiga, penghayatan dan pengamalan. Berdasarkan kajian beliau, pendidikan telah memberi kesan positif ke arah mencapai matlamat membentuk Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh, dan berakhhlak mulia. Kajian ini akan memberi fokus kepada aspek yang ketiga iaitu penghayatan dan pengamalan.

Berdasarkan pendidikan Islam yang diajar di sekolah, pelajar belajar tentang perkara-perkara dan amalan-amalan yang boleh dan tidak boleh dilakukan sebagai seorang Muslim. Secara tidak langsung, pelajar juga diajar tentang pembentukan personaliti Islamik. Penyelidik melihat kepada hubungan antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dengan personaliti Islamik pelajar-pelajar Islam.

1.3 Pernyataan Masalah

Di sekolah menengah bukan aliran agama, pendidikan Islam diajar melalui mata pelajaran Pendidikan Islam sementara di sekolah menengah aliran agama, pendidikan Islam diajar melalui mata pelajaran Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah, dan Tasawwur Islam. Ini menunjukkan terdapat beberapa mata pelajaran di sekolah yang menjurus kepada pendidikan Islam. Tujuan pendidikan Islam ini diajar adalah untuk mendidik pelajar mendalami cara hidup sebagai seorang Muslim. Cara hidup ini merangkumi setiap perkara termasuk ibadah, akhlak, pekerjaan dan sebagainya. Secara umumnya, pelajar sering didedahkan dengan amalan hidup seorang Muslim bukan sahaja di sekolah dan di rumah, malahan persekitaran pelajar.

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap keberkesanan pendidikan Islam yang merujuk kepada kefahaman dan pengamalan, yang sewajarnya berperanan sebagai pendinding kepada keruntuhan akhlak pelajar pada masa kini. Pendidikan Islam yang diajar di sekolah sewajarnya menjadi pemangkin dalam membentuk personaliti unggul dalam kalangan pelajar berdasarkan penerapan nilai-nilai murni yang termaktub dalam sukanata mata pelajaran. Selain itu, responden terdedah juga dengan pendidikan Islam di luar waktu pengajaran dan pembelajaran. Perbandingan personaliti Islamik pula dapat diketahui berdasarkan kajian yang dibuat samada terdapat perbezaan atau tidak antara personaliti Islamik responden sekolah menengah aliran agama dengan sekolah menengah bukan aliran agama. Berdasarkan kajian ini dapatlah diperhatikan tentang hubungan antara tahap keberkesanan dengan tahap personaliti Islamik responden.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada beberapa objektif yang telah dikenal pasti. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti tahap keberkesanan pendidikan Islam responden.
- 1.4.2 Mengenal pasti tahap personaliti Islamik responden.
- 1.4.3 Mengenal pasti perbezaan tahap keberkesanan pendidikan Islam responden mengikut aliran.
- 1.4.4 Mengenal pasti perbezaan tahap personaliti Islamik responden mengikut aliran.
- 1.4.5 Mengenal pasti hubungan antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dengan tahap personaliti Islamik responden.

1.5 Persoalan Kajian

Matlamat kajian adalah untuk mendapatkan jawapan terhadap persoalan-persoalan berikut:

- 1.5.1 Apakah tahap keberkesanan pendidikan Islam responden?
- 1.5.2 Apakah tahap personaliti Islamik responden?

- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan mengikut tahap keberkesanan pendidikan Islam dalam kalangan responden aliran agama dengan bukan aliran agama?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan mengikut tahap personaliti Islamik dalam kalangan responden aliran agama dengan bukan aliran agama?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dengan tahap personaliti Islamik responden?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis Pertama

H_0 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dalam kalangan responden aliran agama dengan bukan aliran agama.

Hipotesis Kedua

H_0 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap personaliti Islamik dalam kalangan responden aliran agama dengan bukan aliran agama.


Hipotesis Ketiga

H_0 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dengan tahap personaliti Islamik responden.

1.7 Kerangka Teori Kajian

Berdasarkan tajuk yang dipilih oleh penyelidik, penyelidik memilih pendidikan Islam dalam membentuk personaliti Islamik dalam kalangan pelajar. Penyelidik memilih responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah menengah aliran agama dan sekolah menengah bukan aliran agama bagi melihat tahap keberkesanan pendidikan Islam dalam membentuk personaliti. Tahap keberkesanan ini diukur daripada segi kefahaman dan pengamalan responden terhadap pendidikan Islam yang menjurus kepada amalan hidup seorang Muslim.

Penyelidik menggunakan kerangka teori kajian seperti dalam gambar rajah berikut:



Rajah 1.1 Kerangka Teori Dan Konsep Kajian Pendidikan Islam dalam Pembentukan Personaliti Islamik

Bagi mengukuhkan kajian penyelidik, penyelidik memilih untuk menggunakan teori kognitif yang diasaskan oleh Jean Piaget. Piaget menyatakan bahawa seseorang itu mampu bertindakbalas dengan persekitaran melalui dua mekanisme iaitu adaptasi dan organisasi. Piaget mempercayai bahawa pengetahuan tidak disalurkan kepada pemerhati tetapi ia mesti diteroka dan dibina melalui aktiviti yang dilakukan (Rohaty, 1992). Pembentukan struktur kognitif terhasil daripada tiga proses yang saling melengkapi. Proses pertama ialah asimilasi, iaitu proses di mana pengetahuan atau pengalaman baru dimasukkan dalam struktur mental yang ada. Proses kedua ialah akomodasi, iaitu proses perubahan struktur yang ada disesuaikan dengan realiti luaran secara lebih dekat dan membentuk suatu struktur mental yang baru. Proses ketiga ialah keseimbangan, iaitu kecenderungan individu mengolah maklumat baru dengan pengalaman sedia ada.

Berdasarkan kerangka teori juga, penyelidik memilih untuk melihat personaliti daripada perspektif Islam. Tahap keberkesanan responden diambil kira daripada segi penghayatan responden terhadap pendidikan Islam. Penyelidik melihat pada kefahaman responden dalam mempelajari bidang-bidang pendidikan Islam di sekolah, dan pengamalan responden dalam melakukan perkara yang dipelajari. Personaliti Islamik menekankan tentang prinsip-prinsip ibadah, amanah, dan ilmu (Nooraini, 2008).

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting memandangkan masalah sosial dalam kalangan pelajar semakin meningkat. Peranan pendidikan Islam yang perlu dilihat sebagai benteng kepada masalah keruntuhan akhlak pelajar. Pendidikan Islam samada secara formal atau tidak formal sangat penting dan memainkan peranan yang besar dalam membentuk personaliti yang baik.

Kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mengkaji semula peranan pendidikan Islam dalam membentuk personaliti yang baik dalam diri

pelajar. Pihak Kementerian dapat menggunakan hasil kajian ini untuk menyusun langkah-langkah positif ke arah penyelesaian masalah salah laku pelajar. Peranan pendidikan Islam samada di sekolah aliran agama atau bukan aliran agama perlu dilihat sebagai membantu membentuk personaliti unggul.

Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada pihak sekolah untuk memastikan pendidikan Islam digunakan sebaiknya dalam membantu menangani masalah akhlak pelajar di peringkat sekolah. Pihak pentadbiran sekolah perlu peka dan prihatin dengan peranan pendidikan Islam dalam membentuk personaliti dan bukan semata-mata untuk meningkatkan peratusan kelulusan pelajar dalam peperiksaan awam. Dengan ini, pihak sekolah mampu mewujudkan iklim persekolahan yang kondusif untuk melahirkan generasi yang unggul dan berwawasan.

Seterusnya, dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru-guru dalam menangani isu keruntuhan akhlak pelajar. Guru perlu sentiasa menerapkan nilai-nilai murni dalam setiap aktiviti pelajar. Sebagai teladan yang baik, guru perlu sentiasa prihatin dan dapat membantu pelajar membentuk personaliti mereka dengan bersikap positif, sabar, dan sentiasa bertimbang rasa seperti yang telah digubal dalam mata pelajaran berkaitan pendidikan Islam.

1.9 Batasan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dengan personaliti Islamik pelajar. Penyelidik memfokuskan kajian kepada pelajar-pelajar Islam di daerah Batu Pahat, Johor, maka subjek kajian yang dipilih hanya dalam kalangan pelajar-pelajar Islam di daerah Batu Pahat sahaja. Hasil kajian tidak dapat mewakili populasi di kawasan lain kerana fokus sampel kajian adalah terhad.

Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini adalah dalam bentuk soal selidik. Soalan-soalan yang diberikan adalah berkait dengan

tahapkeberkesanan daripada segi pemahaman dan pengamalan sahaja bagi membentuk personaliti Islamik responden. Bentuk soalan secara umumnya tidak dapat menggambarkan pendapat daripada kumpulan pelajar lain selain daripada kumpulan responden yang terpilih.

1.10 Definisi Istilah

Beberapa istilah diperjelaskan di bawah bagi menerangkan dengan lebih tepat kehendak dan kaitannya dengan perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Penjelasan terhadap maksud perkataan-perkataan tersebut adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang dilaksanakan iaitu:

“Hubungan Antara Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Dengan Personaliti Islamik Pelajar”

1.10.1 Tahap Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), tahap merupakan peringkat atau tingkat, sementara keberkesanan membawa maksud perihal berkesan atas sesuatu tindakan atau perubahan. Ini bermakna tahap keberkesanan ialah peringkat di mana ia menimbulkan hasil atau kesudahan yang diharapkan dan membawa kepada sesuatu perubahan atau perkembangan. Seseorang itu akan menunjukkan kesan daripada sesuatu pengaruh kepada pemikirannya daripada segi watak dan sikap, serta membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dalam dirinya.

Tahap keberkesanan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah peringkat penghayatan responden berdasarkan kefahaman dan pengamalan responden terhadap pendidikan Islam yang diajar di sekolah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kefahaman merupakan keupayaan atau kemampuan seseorang mengetahui

tentang sesuatu yang dipelajari, sementara pengamalan ialah melaksanakan atau mengerjakan sesuatu dengan bersungguh-sungguh.

Dalam kajian ini, penyelidik mengenalpasti bahawa responden boleh menghayati pendidikan Islam dan menjadikan pendidikan Islam sebagai satu cara hidup dan Islam dijadikan sebagai kaedah penyelesaian masalah. Ini menunjukkan tahap keberkesanan adalah berkaitan dengan kefahaman responden dan sejauh mana responden menghayati apa yang dipelajari untuk dijadikan sebagai amalan.

1.10.2 Pendidikan Islam

Pendidikan merupakan perihal mendidik. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), mendidik membawa maksud menjaga atau memelihara dan melatih atau mengajar baik-baik, sementara Islam merupakan agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ia juga bererti mentauhidkan Allah, menyerahkan diri, tunduk dan taat kepada Allah serta menunaikan semua ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. di dunia dan akhirat.

Nabi Muhammad s.a.w. memberi berbagai pengertian tentang Islam menurut keadaan orang yang bertanya iaitu dengan hanya menyebut beberapa juzuk yang menjadi rukun tanpa menyebut keseluruhannya (Pusat Islam UUM, 1998).

Dalam sebuah hadis, ketika menjawab pertanyaan malaikat Jibrail a.s. tentang Islam, Rasulullah s.a.w. telah bersabda, maksudnya:

“Islam itu bahawa kamu menyaksikan tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah S.W.T. dan Nabi Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan, dan mengerjakan haji jika berkuasa atau berkemampuan”.

(Riwayat Muslim)

Dalam kajian ini, pendidikan Islam membawa maksud unsur keislaman yang berfungsi mendidik pelajar-pelajar Islam untuk mengikut ajaran Islam dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Akhirnya, ia akan membawa

perubahan dalam diri seseorang dalam membentuk personaliti unggul. Unsur keislaman ini boleh didapati atau di pelajari daripada persekitaran dan sekolah.

1.10.3 Personaliti Islamik

Personaliti berasal daripada perkataan Greek iaitu ‘*persona*’ yang bererti topeng muka yang digunakan oleh manusia bagi menyembunyikan perkara buruk dan mengemukakan serta menonjolkan perkara yang baik berkaitannya. Perkataan Melayu yang sama dengan personaliti ialah keperibadian dan sahsiah. Menurut Kamus Dewan (2001), sahsiah atau personaliti bermaksud keperibadian atau peribadi. Allport (1981) pula mendefinisikan personaliti sebagai organisasi dinamik seseorang individu dalam sesuatu psikofizikal yang menentukan sifat-sifat tingkah laku dan pemikirannya. Organisasi dinamik bermaksud personaliti itu sentiasa berkembang dan berubah secara dinamik. Sistem psikofizikal pula bermaksud personaliti adalah kombinasi minda dan badan fizikal yang berfungsi sebagai satu unit.

Daripada perspektif Islam, personaliti lebih dikenali sebagai sahsiah atau secara umumnya disebut sebagai akhlak (Fariza, 2005). Menurut Muhammad ‘Uthman Najati (1992), personaliti bermaksud perangai atau tingkah laku seseorang hasil daripada faktor luaran dan faktor dalaman yang dipupuk dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Islamik merujuk kepada sesuatu perkara yang berlandaskan ciri-ciri keislaman. Seseorang yang mempunyai ciri-ciri personaliti Islamik akan mengikut segala perintah Allah S.W.T. dan meninggalkan laranganNya.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam solatnya. Dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna, dan orang-orang yang menunaikan zakat, dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka itu bukan golongan yang tercela. Barangsiapa yang mencari di sebaliknya, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanan (yang dipikulnya) dan janjinya, dan

orang-orang yang memelihara solatnya. Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi, (iaitu) syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya.

(Surah Al-Mu'minun; ayat 1-11)

Menurut Rohaty (1992), personaliti dinilai melalui penilaian individu terhadap cara atau gaya menyatakan fikiran, perasaan, dan emosi dalam pertuturan dan tingkah laku. Menurut Nooraini (2008), personaliti meliputi keyakinan, pemikiran, reaksi emosi dan penampilan. Ini akan diterjemahkan kepada sikap kita dalam berinteraksi dengan persekitaran untuk membezakan kita dengan orang lain. Dengan kata lain, personaliti Islamik ialah sebagai manifestasi daripada nilai moral yang tinggi, yang merangkumi keyakinan, sifat luaran, atribut, kelakuan, sikap dan sosial serta adab.

Personaliti Islamik merangkumi kebolehan, kecenderungan, sikap, emosi, serta ciri-ciri yang bersifat semula jadi atau yang dipelajari berdasarkan unsur-unsur keislaman. Terdapat elemen-elemen sifat semulajadi manusia yang mempengaruhi pembentukan personaliti Islamik dan ia saling berkait dalam memainkan peranan yang akan ditonjolkan oleh seseorang individu sebagai personalitinya. Elemen-elemen tersebut ialah *nafs*, *qalb*, *aql*, dan *roh*. Dalam kajian ini, personaliti Islamik melihat kepada aspek ibadah, amanah, dan ilmu yang merupakan dimensi personaliti Islamik (Nooraini, 2008).

1.11 Penutup

Pendidikan Islam bertujuan melahirkan insan kamil atau sempurna yang berilmu, bertakwa, dan beramal soleh. Pendidikan Islam mampu melahirkan seorang yang berpersonaliti unggul jika dipelajari dengan tekun, difahami, dihayati, dan diamalkan. Personaliti pula berkait rapat dengan konsep kendiri iaitu cara individu itu mengetahui tentang dirinya samada berkait dengan kebaikan atau kekurangan berdasarkan maklum balas daripada orang di sekitarnya. Personaliti atau keperibadian merupakan satu cabang psikologi yang mengkaji keperibadian dan proses individu

lain yang menjadikan kita manusia. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dengan personaliti Islamik pelajar.